

1. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri negara bangsa yang wujud dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Kerajaan

Apakah bukti kewujudan ciri tersebut?

- A Kewujudan raja
 - B Ketaatan rakyat
 - C Kewujudan pembesar
 - D Kemajuan perdagangan
2. Dalam Hukum Kanun Melaka, urusan kekeluargaan dapat diberi perhatian. Apakah matlamat undang-undang kekeluargaan ini?
- A Memastikan ketua keluarga bertanggungjawab
 - B Memastikan keharmonian dalam keluarga
 - C Memastikan adat adat pernikahan di patuhi
 - D Mengelakkan masalah keruntuhan akhlak
3. Maklumat berikut menjelaskan tentang Pemberontakan Saya San.

Pemberontakan Saya San (1930-1932)

- Diketuai oleh Saya San, seorang pongyi
- Mendapat sokongan daripada golongan petani

Mengapakah golongan petani menyokong pemberontakan tersebut?

- A Dikenakan kerahan tenaga
- B Dipaksa menyerahkan tanah
- C Dibebankan pelbagai jenis cukai
- D Dihalang mengusahakan tanaman dagangan

4. Apakah persamaan ciri perjuangan tokoh berikut?

- Penghulu Dol Said
- Dato' Bahaman
- Tok Janggut

- A Bekerjasama dengan penjajah
- B Memperjuangkan hak asasi
- C Menuntut kemerdekaan
- D Bersifat setempat

5. Poster propaganda tentera Jepun berikut tertera tulisan Jawi, "Ya Allah, terpeliharalah kami oleh tentera Jepun daripada aniaya".



Apakah tujuan poster propaganda tersebut dibuat?

- I. Mengembalikan hak rakyat
 - II. Menentang pelaksanaan cukai
 - III. Menanam semangat antipenjajah Barat
 - IV. Menonjolkan imej Jepun sebagai pembela negara Asia
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

6 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah pertubuhan yang menentang tentera Jepun di Tanah Melayu.

- Menubuhkan pasukan Gerila
- Bersetuju mewujudkan pasukan sukarela yang dilatih oleh British

Apakah pertubuhan tersebut?

- A RUKUN 13
- B PUTERA
- C MPAJA
- D BATAS

7 Akhbar Majlis telah menyiaran berita gagasan Malayan Union pada 12 Ogos 1945. Apakah kesan daripada penyiaran berita tersebut ?

- A Mengadakan serangan secara terbuka
- B Memulaukan pengisytiharan Malayan Union
- C Mengadakan perhimpunan besar-besaran
- D Menghidupkan persatuan-persatuan Melayu

8 Terdapat rakyat Sabah yang menyokong penyerahan Sabah kepada kerajaan British. Mengapa rakyat Sabah menyokong penyerahan tersebut ?

- I Memajukan bidang perniagaan
- II Mengatasi ancaman komunis
- III Mengurangkan kuasa pembesar
- IV Meluaskan jaringan perdagangan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9 Tokoh berikut telah menyaksikan bantahan orang Melayu terhadap Malayan Union.

- Rees Williams
- L.D Gammans

Apakah laporan mereka kepada dewan Parlimen British sekiranya Malayan Union dilaksanakan ?

- A Perpaduan akan terjamin
- B Huru hara akan berlaku
- C Gabungan semua negeri
- D Peperangan akan meletus

10 Apakah kebaikan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap sistem pemerintahan beraja?

- A Mengembalikan sistem pewarisan takhta
- B Mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu
- C Pengenalan Sistem Raja Berperlembagaan
- D Pentadbiran diketuai oleh Yang di-Pertuan Agong

11. Ideologi Komunis dibawa masuk ke negara kita pada tahun 1920-an melalui China. Bagaimanakah ideologi tersebut dibawa masuk ke negara kita?

- I Rumah Ibadat
- II Sekolah Cina
- III Kesatuan Sekerja
- IV Sekolah Agama

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Maklumat berikut berkaitan langkah mengatasi ancaman Komunis.

Kampung Baru

12. Maklumat berikut berkaitan langkah mengatasi ancaman Komunis.
Apakah kesan rancangan tersebut?
- A Merenggangkan hubungan antara kaum
B Meningkatkan kos perbelanjaan
C Memenangi kepercayaan rakyat
D Menamatkan undang-undang Darurat
13. Apakah kepentingan Sistem Ahli terhadap usaha ke arah kemerdekaan?
- A Melancarkan proses pilihanraya
B Melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran
C Memastikan orang Melayu terlibat dalam pentadbiran
D Memastikan setiap portfolio diketuai oleh ahli yang dilantik oleh British
14. Senarai di bawah menunjukkan sistem sekolah yang wujud sebelum merdeka

Sekolah Melayu	Sekolah Agama
Sekolah Cina	Sekolah Tamil

Apakah kesan sistem pendidikan tersebut kepada negara?

- A Perpaduan kaum sukar dicapai
B Masalah kekurangan guru
C Peluang pekerjaan meningkat
D Masalah buta huruf berkurangan

15. Gambar di bawah berkaitan dengan Pilihan Raya.



Apakah nilai yang dapat diteladani daripada tindakan rakyat tersebut?

- A Peka
- B Bersatu pada
- C Toleransi
- D Bertanggungjawab

16 Maklumat berikut berkaitan dengan pentadbiran di Tanah Melayu.

Tahun	Perkara
1955	Penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan.

Apakah kesan penubuhan majlis tersebut?

- A Peneguhan amalan pentadbiran demokrasi
- B Tiada lagi kuasa penjajah British
- C Pengekalan undang-undang tradisional
- D Menghalang gerakan nasionalis

17 Senarai berikut merupakan tokoh yang menyertai rundingan kemerdekaan.

- H.S Lee
- Dr Ismail Abdul Rahman
- Dato' Abdul Razak Hussien

Apakah persamaan tokoh-tokoh tersebut?

- A Wakil Raja-raja Melayu
- B Wakil Parti Perikatan
- C Anggota Suruhanjaya Reid
- D Ahli Jawatankuasa Antara Kaum

18. Bagaimanakah seseorang dapat menjadi warganegara Persekutuan Tanah Melayu 1957?

- I Membuat pilihan sendiri
 - II Mengemukakan tuntutan
 - III Pengukuasaan undang-undang
 - IV Permohonan mendaftar sebagai rakyat
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

19 Menjelang pemasyhuran kemerdekaan, pegawai kerajaan dikehendaki menjalani kursus khas berkaitan dengan protokol.
Mengapakah kursus tersebut diadakan?


- A Memeriahkan sambutan
- B Memahami sejarah tanah air
- C Mengiringi pegawai jemputan luar negara
- D Memastikan majlis pemasyuran berjalan lancar

20. Gambar berikut merupakan Jata Negara 1957.



Apakah kepentingan lambang tersebut?

- A Simbol perpaduan rakyat
- B Lambang keagungan raja
- C Warisan kegemilangan bangsa
- D Lambang pemodenan negara



21. Apakah peranan institusi tersebut?
- A. Meluluskan undang – undang
B. Mengisyiharkan darurat
C. Mentafsir Perlembagaan
D. Menggubal undang – undang
22. Apakah kesan sekiranya rakyat Malaysia menghormati kepelbagaian budaya dan agama di negara kita?
- A. Meningkatkan imej negara
B. Sanggup berkorban
C. Mengukuhkan perpaduan
D. Peka terhadap isu semasa
23. Maklumat berikut berkaitan dengan undang – undang yang terdapat di negeri – negeri Melayu.

- Hukum Kanun Pahang
- Undang - Undang Johor
- Undang - Undang 99 Perak

Apakah persamaan undang – undang tersebut ?

- A. Mewarisi perundangan Kesultanan Melayu Melaka
B. Mewujudkan Raja Berperlembagaan
C. Menggabungkan unsur tradisional dan moden
D. Menerima pengaruh undang – undang Inggeris

24. Maklumat berikut berkenaan dengan Pindaan Perlembagaan di negara kita.

Tahun	Perkara
1965	Pindaan Perlembagaan

Apakah kesan pindaan tersebut ?

- A. Singapura keluar dari Malaysia
- B. Sistem Westminister diperkenalkan
- C. Sistem mahkamah atasan dimansuhkan
- D. Sarawak dan Sabah menyertai Malaysia

25. Makluman berikut merupakan kuasa Yang di – Pertuan Agong seperti yang diperuntukan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Perisyiharan Darurat


Apakah tujuan perisyiharan tersebut ?

- A. Mengelakkan neo - kolonialisme
- B. Menghapuskan ancaman komunis
- C. Mempertahankan keselamatan negara
- D. Menyelesaikan pertindihan perlembagaan

26. Mengapakah pemerintahan beraja berperanan mengimbangi pemerintahan demokrasi di negara kita?

- A. Raja mempunyai kuasa budi bicara
- B. Raja berkecuali dalam hal politik , ekonomi dan dasar negara
- C. Yang di-Pertuan Agong mengetuai ketiga-tiga badan pemerintahan
- D. Raja tidak memihak mana-mana parti politik

27. Rajah berikut menunjukkan peringkat pentadbiran Kerajaan Malaysia.



Apakah X?

- A. Kerajaan Tempatan
B. Majlis Daerah
C. Majlis Bandaraya
D. Majlis Perbandaran
28. Maklumat berikut berkaitan dengan pengukuhan Sistem Persekutuan

Mesyuarat Menteri Besar

Mengapakah mesyuarat tersebut di adakan?

- A. Membincangkan hal berkaitan dengan kewangan
B. Mengeratkan hubungan antara Kerajaan
C. Menyelaraskan pentadbiran antara Kerajaan
D. Membincangkan pembangunan sosioekonomi
29. Pegawai British mengemukakan idea penyatuan gagasan Malaysia. Apakah matlamat penyatuan wilayah tersebut?
- A. Melaksanakan pemodenan
B. Melakukan imperialism
C. Memupuk perpaduan
D. Memudahkan pentadbiran British

30 Maklumat berikut berkaitan dengan Intipati Perjanjian Malaysia

- Akta Perjanjian Malaysia


Apakah Intipati Perjanjian tersebut?

- A. Tarikh pembentukan Malaysia adalah pada 31 Ogos 1963.
- B. Mengembalikan keamanan keharmonian dan kepercayaan antara kaum dalam Negara
- C. Jawatankuasa dipengerusikan oleh Lord Lansdowne
- D. Islam ialah agama Persekutuan Malaysia

31 Apakah cabaran yang dihadapi negara selepas pembentukan Malaysia?

- I Melaksanakan dasar luar Malaysia
 - II Memartabatkan kedudukan Bahasa Melayu
 - III Mewujudkan keseimbangan pembangunan
 - IV Menghadapi masalah perpaduan kaum
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Pernyataan keratan akhbar berkaitan titah Sultan perak



32 Mengapa baginda menyatakan seruan tersebut?

- A Menghentikan rusuhan antara kaum
- B Mengelakkan penyebaran berita palsu
- C Mengembalikan kepercayaan antara kaum
- D Mewujudkan pentadbiran yang licin dalam negara

Dialog berikut mungkin berlaku dalam Mesyuarat Perancangan Pendidikan yang dipengerusikan oleh Abdul Rahman Talib.

Tokoh X	: Kita akan mengekalkan teras sistem pendidikan kebangsaan sedia ada seperti Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua peringkat pendidikan.
Tokoh Y	: Saya mencadangkan mata pelajaran Tatarakyat wajib diajar sebagai cara memperkuuh perpaduan dan integrasi dalam kalangan murid
Tokoh X	: Saya setuju dengan cadangan ini.

33 Mengapakah **Tokoh Y** mengemukakan cadangan tersebut?

- A Memupuk perpaduan antara kaum
- B Memperkuuh semangat kekitaan
- C Mewujudkan perasaan cinta akan negara
- D Membentuk sikap toleransi dan persefahaman

34 Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah digubal dan diperakui melalui Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971 yang diadakan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya.

Andaikan anda seorang pemimpin yang terlibat dalam kongres tersebut.
Apakah rasional penggubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan?

- A Mengukuhkan integrasi nasional
- B Membentuk identiti warganegara Malaysia
- C Mempertahankan Perlembagaan Persekutuan
- D Mengukuhkan Rukun Negara

35 Apakah usaha DEB untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di bandar?

- A Melancarkan Rancangan Buku Hijau
- B Menubuhkan agensi untuk memberikan bantuan
- C Memajukan pelbagai perindustrian dan perniagaan
- D Mengadakan pelbagai kegiatan melalui Gerakan Koperasi

36 Apakah tujuan penubuhan Majlis Perundingan Negara (MAPEN) pada tahun 1970?

- A Menyediakan modal
- B Menyusun masyarakat
- C Memodenkan perindustrian
- D Memupuk identiti kebangsaan

37 Malaysia terlibat dalam misi pegawai pemerhati di bawah PBB di negara berikut.

- Congo
- Angola
- Namibia

Apakah tugas pegawai pemerhati tersebut?

- A Melindungi hak asasi rakyat
- B Memberikan latihan teknikal
- C Mengawasi gencatan senjata
- D Menegakkan undang-undang


38 Malaysia telah menandatangani Perisytiharaan Lusaka pada tahun 1970 melalui NAM.

Apakah isu utama dalam perisytiharaan tersebut?

- A Penindasan hak kebebasan
- B Pengawalan senjata nuklear
- C Pencerobohan kuasa besar
- D Penentuan sempadan negara

39

Peta berikut berkaitan dengan kerjasama pembangunan ekonomi segi tiga.



Apakah faedah yang diperoleh Malaysia melalui kerjasama berikut?

- A Menyelesaikan pertindihan sempadan
- B Mendapatkan bantuan kemanusiaan
- C Mengurangkan monopoli pasaran
- D Menambat pertukaran ringgit

40

Rajah berikut menunjukkan logo Anugerah Langkawi yang dimulakan pada tahun 1991.



Siapakah yang layak menerima anugerah tersebut?

- A Warganegara yang menunjukkan komitmen besar dalam bidang alam sekitar
- B Warganegara luar yang memberi sumbangan dalam bidang alam sekitar
- C Warganegara yang memastikan kelestarian alam terjamin
- D Warganegara yang menyumbang dalam teknologi hijau

SOALAN TAMAT